

Keldai akaun didenda RM500

MIRI: Seorang keldai akaun didenda RM500 atau sebulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini semalam atas kesalahan memiliki sejumlah wang yang diperolehi secara tidak sah.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam setelah tertuduh, Mohamad Nuf Hafiq James Liew, 21, dari Beaufort, Sabah mengaku bersalah atas dua tuduhan yang dibacakan terhadapnya

mengikut Seksyen 37(1) Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil 1958 (Sarawak).

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara tiga bulan dan denda RM500 jika sabit kesalahan bagi setiap tuduhan dihadapi.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati memiliki wang berjumlah RM10,660 di dalam akaun banknya yang diperolehi secara tidak sah.

Dia didakwa melaku-

kan kesalahan itu antara jam 11.39 pagi hingga 11.46 pagi, 5 September 2024 di sebuah bank di Jalan Bendahara di sini.

Di hadapan mahkamah, tertuduh yang masih belajar merayu hukuman ringan memandangkan ini adalah kesalahan pertamanya.

Pendakwaan kes dikenyalikan pegawai pendakwa Inspektor Mudzillawati Abdul Rahman manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.